

REAKSI MASYARAKAT DAN TINDAK BALAS INDIVIDU YANG MENGALAMI MASALAH KECELARUAN IDENTITI JANTINA

**Haris Abd. Wahab,¹ Siti Hajar Abu Bakar Ah,
Zaitun Azman, Ezarina Zakaria²**

Abstract

Gender identity disorder is a social phenomenon originating from an individual's complication with his/her sexual category, characteristics, roles and behaviours. Individuals with gender identity disorder are labelled as non-conformist who deviates from social norms. As an effort to understand this phenomenon, a survey was conducted amongst 160 university students, who were assumed to come into conflict with their gender identities. The assumptions were made based on the students' appearances and behaviours. The main objective of the study was to identify the reaction of public members toward this social group, as well as to examine ways in which the group responses to the community feedbacks. A set of structured questionnaires were used to gather primary data from the sample, which were selected using the convenience sampling technique. They were asked to self-administer the questionnaires. The study discovered that most of the respondents were either unacquainted or ambiguous with their identities. The reaction of community members towards this social group were found to be varied. Community members tend to label person with gender identity disorder with deleterious lexes and perceptions. Persons with gender identity disorder reactions were comparable to community feedback. Their act in response to the social labels can be categorized into either constructive or destructive; such as engaging with social activities that encourage one's identification about gender identity category, roles and behaviours, or act in a way that they were labelled.

Keywords: gender identity disorder, social responses, individual responses

Pengenalan

Seorang bayi yang dilahirkan akan dikategorikan dan dicatat dalam sijil kelahiran sebagai bayi lelaki atau bayi perempuan. Walau bagaimanapun, terdapat juga bayi yang dilahirkan mempunyai kedua-dua alat kelamin lelaki dan wanita atau lebih dikenali sebagai khunsa. Isu kecelaruan identiti jantina merupakan sebahagian daripada isu sosial pada masa ini. Isu ini mendapat perhatian pelbagai pihak seperti pemimpin politik, pentadbir, ahli akademik dan NGO. Kebelakangan ini sering dipaparkan di dada akhbar tentang masalah dan isu tentang individu yang dilahirkan lelaki menukar penampilannya menjadi perempuan atau mereka yang dilahirkan sebagai perempuan tetapi menukarkan penampilannya menjadi lelaki. Golongan ini dikenali dengan

pelbagai gelaran seperti “mak nyah”, “pondan”, “lelaki lembut”, “pengkid”, “tomboy” dan pelbagai gelaran lain lagi. Kewujudan golongan ini sering dikaitkan dengan perkara yang negatif seperti homoseksual, biseksual, transeksual dan pembedahan pembuangan alat sulit. Individu yang mengalami masalah ini dikatakan sebagai mengalami masalah kecelaruan identiti jantina (Royal College of Psychiatrists, London 1998; Money 1994; Zucker and Bradley 1995; Di Ceglie 1995; Mat Saad Baki 1987).

Kecelaruan identiti jantina berlaku apabila seseorang lelaki menganggap dirinya perempuan serta berkelakuan seperti perempuan atau seorang perempuan menganggap dirinya seorang lelaki serta berkelakuan seperti lelaki (Royal College of Psychiatrist, London 2003; Money 1994; Mat Saad Baki 1987). Ada pihak yang berpendapat apa yang hendak dikisahkan sangat golongan tersebut kerana ia lebih bersifat isu peribadi. Walau bagaimanapun masalah ini bukan berhenti setakat itu sahaja tetapi berjangkit kepada perlakuan tidak bermoral lain seperti gay dan lesbian.

Secara semulajadinya jantina lelaki dan wanita ditentukan sejak seseorang itu dilahirkan lagi (Macionis 2010; Giddens, 2006). Menurut Haralambos (2000) pengkategorian jantina lelaki dan wanita boleh dibezakan melalui ciri-ciri fizikal yang dimiliki. Budaya sesuatu masyarakat telah mengkategorikan lelaki mempunyai sifat *masculine* dan lebih kuat, manakala wanita mempunyai sifat-sifat *feminine* (Macionis 2010). Budaya masyarakat juga menganggap lelaki sebagai mempunyai cita-cita tinggi dan lebih gemarkan cabaran. Oleh itu, lelaki seharusnya melibatkan diri dalam aktiviti yang lebih lasak dan berperanan sebagai pemimpin. Berbeza dengan wanita yang dianggap sebagai individu yang suka menjauhkan diri dari menjadi tumpuan orang dan mudah terpengaruh oleh perasaan. Oleh itu, wanita akan memegang peranan sebagai pendengar yang baik serta berperanan sebagai sumber sokongan kepada lelaki. Penampilan individu yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina ini juga mempunyai kaitan dengan keseimbangan personaliti diri dan mempunyai kesan yang tidak baik dari segi prospek masa depan. Antara penampilan ketara bagi mereka yang mengalami kecelaruan identiti jantina ialah memakai barang kemas, memakai pakaian yang menyerupai wanita atau lelaki serta bertingkah laku yang tidak bertepatan dengan identiti jantina masing-masing.

Reaksi negatif sesetengah masyarakat dengan cara mengenakan label, stigma dan diskriminasi terhadap individu yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina adalah antara faktor yang mengakibatkan masalah itu semakin berleluasa hingga segelintir individu berkenaan terjebak dalam hubungan sejenis. Keadaan itu dikhuatiri boleh menyebabkan institusi kekeluargaan semakin goyah selain memupuk generasi masa depan yang tidak mampu memahami erti hubungan mahram mahupun perkahwinan.

Menurut Khaidzir (2012) ramai penduduk negara ini memandang ringan gejala kecelaruan identiti jantina walaupun ia boleh membawa pelbagai kesan buruk terhadap masyarakat dan negara. Beliau menambah pada zaman dulu tingkah laku kecelaraan identiti jantina akan dianggap sebagai suatu masalah sosial yang serius. Sebaliknya kini ia menjadi suatu perkara normal kerana tiada pihak yang memandang serius terhadap perkara tersebut. Keadaan ini dikeruhkan lagi dengan penubuhan kelab keahlian dan kewujudan laman web yang menyokong aktiviti golongan yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina ini.

Kerangka Teoritikal

Artikel ini ditulis berasaskan kerangka teori *Labeling*. Andaian utama teori ini ialah reaksi negatif dari masyarakat akan mendorong seseorang individu membina konsep sendiri yang negatif dan menambahkan kekerapan pembabitan dalam tingkahlaku antisosial atau devian (Lemert 195; Becker 1963; Gove 1975). Teori ini juga menjelaskan seseorang yang terlibat dalam tingkah laku yang bertentangan dengan norma masyarakat dan perbuatannya diketahui, maka individu berkenaan akan dikenakan tindakan oleh masyarakat. Ini disebabkan masyarakat mempunyai hak untuk menentukan sama ada sesuatu perbuatan tersebut dianggap salah dan benar-benar telah dilakukan oleh individu berkenaan.

Secara umumnya teori *Labeling* menjelaskan proses pembentukan tingkah laku antisosial atau devian melalui tiga tahap utama, iaitu reaksi masyarakat terhadap tingkah laku individu, tindak balas individu yang terlibat dalam tingkah laku antisosial terhadap reaksi masyarakat dan tindak balas 'self-labeling'.

- i. Tindak balas masyarakat: Lemert (1972) dan Haralambos (2000) menjelaskan reaksi masyarakat merupakan faktor penting terhadap pembentukan sesuatu tingkah laku antisosial atau devian. Perbuatan atau tingkah laku dianggap devian disebabkan masyarakat mengkategorikan perbuatan tersebut sebagai tingkah laku devian. Keadaan ini memberi kesan kepada individu yang terlibat dalam tingkah laku tersebut. Oleh itu kajian ini cuba mengenal pasti hubungan di antara reaksi masyarakat dengan tingkah laku kecelaruhan identiti jantina yang dialami seseorang individu. Mengikut teori ini juga masyarakat akan bertindak balas kepada perbuatan antisosial yang dilakukan oleh seseorang individu. Tindak balas masyarakat adalah dalam bentuk mengenakan label, stigma dan diskriminasi ke atas individu berkenaan. Label adalah tindakan masyarakat mengenakan label negatif ke atas seseorang yang diketahui melakukan kesalahan (Macionis 1987; Backer 1963; Haralambos 2000). Label tersebut menyebabkan individu berkenaan akan dijauhi dan disisihkan daripada kumpulan mereka. Keadaan ini boleh menyebabkan individu yang dikenakan label merasakan dirinya adalah seperti apa yang dilabelkan oleh masyarakat. Manakala stigma pula merupakan tanda negatif ke atas seseorang yang telah dilabelkan oleh masyarakat. Stigma merupakan imej yang merendahkan maruah seseorang yang boleh membawa rasa malu (Goffman 1963; Lemert 1972; Macionis 1987). Diskriminasi pula merujuk kepada perbuatan atau perlakuan mengasingkan atau memisahkan (Macionis 1987; Giddens 1989; Zastrow 2000). Diskriminasi membawa kepada layanan yang berbeza-beza terhadap individu atau kumpulan atas dasar tertentu. Menurut Macionis (1987) dan Giddens (1989) diskriminasi akan menyebabkan setiap individu diberi layanan berbeza untuk mendapatkan sumber dalam masyarakat disebabkan label yang dikenakan kepadanya. Ini bermakna diskriminasi wujud apabila hak dan peluang yang seharusnya diperoleh seseorang individu dinafikan oleh ahli lain dalam kumpulan berkenaan.
- ii. Tindak balas Individu: Selepas masyarakat memberikan reaksi kepada tingkah laku devian seseorang individu, maka individu tersebut juga akan bertindak balas kepada reaksi tersebut. Individu berkenaan mungkin akan bertindak balas secara anti-label atau tindak balas anti-labeler. Tindak balas anti-label berlaku apabila

- individu berkenaan dengan cepat menyedari pelanggaran yang dilakukan selepas dikenakan isbat dan berusaha memperbaiki tingkah laku supaya tidak diulangi. Individu tersebut bertindak dengan cara disukai atau diingini masyarakat (Walker 1980). Tindak balas anti-labeler berlaku apabila individu terlibat bertindak terhadap orang yang mengenakan tindakan ke atasnya. Individu akan memperlihatkan tingkah laku yang tidak baik sebagai pengukuhan kepada label yang diberikan kepadanya. Individu berkenaan juga akan membenci masyarakat kerana menganggap stigma yang dikenakan terhadapnya adalah tidak adil. Individu tersebut akan meneruskan perbuatan seperti yang distigmakan semata-mata untuk menunjukkan kebencian terhadap masyarakat yang mengenakan tindakan ke atasnya.
- iii. Tindak balas '*self-labeling*': Tindak balas ini adalah peringkat di mana individu yang melanggar undang-undang yang dikenakan secara berterusan mengakui bahawa identiti dirinya sudah diterima oleh masyarakat. Mereka menerima tanggapan masyarakat terhadapnya sebagai seorang yang tidak diingini. Individu tersebut akan menerima stigma dan menganggap dirinya jahat dan menyesuaikan dirinya dengan imej baru yang diberikan kepadanya. Pengukuhan kepada imej baru ini adalah tindakan yang dianggap sebagai tindak balas individu terhadap stigma yang dikenakan oleh masyarakat terhadapnya. Proses tindak balas ini akan berterusan dan sentiasa berlaku melainkan salah satu pihak mengubah kriteria dan seterusnya mengubah reaksi. Jika tiada perubahan kriteria, individu tersebut akan terus melakukan perbuatan yang dilarang sama ada secara bersendirian atau bersama dengan individu lain yang turut menerima label yang sama. Secara tidak langsung pembentukan kumpulan yang menerima label yang sama atau kumpulan senasib akan menguatkan sistem sokongan dalam kalangan ahli kumpulan untuk melakukan perbuatan yang dilarang. Menurut Becker (1963) sesebuah kumpulan menganggap kumpulan mereka sebagai orang luar dan mengandaikan kumpulan mereka adalah dianggap berbeza oleh masyarakat. Akhirnya kumpulan berkenaan menjadi terasing dan tersisih daripada masyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memeriksa reaksi masyarakat terhadap pelajar-pelajar universiti yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina serta tindak balas pelajar-pelajar berkenaan terhadap reaksi yang diberikan oleh masyarakat terhadap mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah survei bagi mengumpulkan maklumat kajian. Reaksi masyarakat dan tindak balas pelajar universiti terhadap reaksi masyarakat adalah berdasarkan kepada persepsi pelajar yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina. Oleh itu, seramai 160 orang pelajar universiti awam yang dianggap mengalami masalah kecelaruan identiti jantina berasaskan penampilan dan tingkah laku telah dipilih secara *convenience sampling*. Maklumat dikumpul melalui borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden kajian. Pekerja lapangan membantu responden secara bersemuka, menerangkan kepada mereka sekiranya ada soalan yang tidak difahami dengan jelas dan kemudiannya mengumpulkan semula instrumen ini. Semua data terkumpul daripada instrumen ini dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Profil responden yang terlibat dalam kajian ini dipaparkan di dalam Jadual 1.

Jadual: Latar Belakang Responden

Maklumat latar belakang	Bilangan	Peratus(%)
Umur		
20 tahun ke bawah	44	27.5
21 - 25 tahun	108	67.5
26 tahun ke atas	8	5.0
Jumlah	160	100.0
Jantina		
Lelaki	99	61.9
Perempuan	61	38.1
Jumlah	160	100.0
Etnik		
Melayu	125	78.1
Cina	12	7.5
India	9	5.6
Bumiputera	14	8.8
Jumlah	160	100.0
Status Pekerjaan Bapa		
Bekerja	150	93.8
Tidak bekerja	10	6.2
Jumlah	160	
Status Pekerjaan Ibu		
Bekerja	79	49.4
Tidak Bekerja	81	50.6
Jumlah	160	100.0
Lokasi Tempat Tinggal		
Bandar	78	48.7
Luar Bandar	82	51.3
Jumlah	160	100.0

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Artikel ini hanya memaparkan dapatan kajian yang berkaitan dengan pandangan responden mengenai reaksi masyarakat terhadap mereka dan tindak balas mereka terhadap reaksi masyarakat. Pernyataan pertama yang kami wujudkan dalam bahagian ini adalah "adakah anda mengalami masalah kecelaruhan identiti jantina?". Daripada 160 orang responden, hanya 26 orang (16.3%) sahaja yang mengakui mereka mengalami masalah tersebut (Jadual 2). Sementara itu, 61 orang responden (38.1%) menafikan

mereka mengalami masalah tersebut. Selebihnya 73 orang lagi (45.6%) menyatakan mereka tidak pasti sama ada mengalami masalah tersebut atau tidak. Perbincangan artikel ini seterusnya adalah mengikut kategori pengakuan masalah kecelaruan identiti yang dialami oleh responden.

Jadual 2: Pengakuan Responden

Kecelaruan Identiti Jantina	Bilangan	Peratus(%)
Ya	26	16.3
Tidak	61	38.1
Tidak pasti	73	45.6
Jumlah	160	100.0

Reaksi Masyarakat

Terdapat sembilan item/soalan yang digunakan untuk mengukur reaksi masyarakat terhadap individu yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina. Item ini meliputi aspek memberi layanan yang baik, menghormati diri, menolong, berkomunikasi dengan baik, memuji penampilan diri, membeza dengan orang lain, mengejek, mengambil kesempatan dan memperkecilkan kemampuan diri. Elemen-elemen ini menggambarkan label, stigma dan diskriminasi yang dikenakan oleh masyarakat terhadap individu yang mengalami masalah kecelaruan identiti jantina.

Penemuan kajian menunjukkan majoriti (46.3%) responden mengatakan masyarakat melayan mereka dengan baik (Jadual 3). Hanya segelintir sahaja (3.1%) responden yang menyatakan mereka tidak pernah mendapat layanan yang baik daripada masyarakat. Ramai juga responden yang tidak pasti (26.9%) sama ada masyarakat melayan mereka dengan baik atau tidak. Selebihnya menyatakan kadang-kadang (23.8%) sahaja masyarakat melayan mereka dengan baik. Analisis mengikut kategori pengakuan kecelaruan identiti jantina pula mendapati majoriti daripada mereka yang mengaku mengalami kecelaruan identiti jantina (30.8%), tidak mengaku mengalami kecelaruan identiti jantina (38.4%) dan yang tidak pasti sama ada mereka mengalami kecelaruan identiti jantina atau tidak (38.4%) menyatakan masyarakat melayan mereka dengan baik.

Penghormatan diri merupakan keperluan dalam perkembangan diri seseorang individu. Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan majoriti (42.5%) responden menyatakan masyarakat selalu menghormati dan menghargai diri mereka (Jadual 3). Majoriti responden (46.2%) yang mengakui mereka mengalami kecelaruan identiti jantina tidak pasti sama ada masyarakat menghormati dan menghargai mereka. Sebilangan besar (63.9%) mereka yang tidak mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina pula menyatakan mereka selalu dihormati dan dihargai oleh masyarakat. Manakala 38.4 peratus tidak pasti sama ada mengalami kecelaruan identiti jantina atau tidak menyatakan masyarakat hanya kadang-kadang sahaja menghormati dan menghargai mereka.

Secara keseluruhan penemuan kajian menunjukkan majoriti (47.5%) responden menyatakan masyarakat selalu menolong mereka apabila diperlukan (Jadual 3). Keadaan ini dinyatakan oleh majoriti mereka yang mengakui (38.5%), tidak pasti (43.8%)

dan sebilangan besar (55.7%) mereka yang tidak mengakui mengalami kecelaruhan identiti jantina. Penemuan kajian juga menunjukkan lebih separuh daripada responden (54.4%) menyatakan masyarakat selalunya senang berkomunikasi dengan mereka (Jadual 3). Hanya segelintir sahaja responden (1.9%) yang menyatakan masyarakat tidak pernah berkomunikasi dengan baik bersama mereka. Majoriti responden (34.6%) yang mengakui mereka mengalami kecelaruhan identiti jantina menyatakan masyarakat hanya kadang-kadang sahaja berkomunikasi baik dengan mereka. Manakala sebilangan besar mereka yang tidak mengakui (65.6%) dan mereka yang tidak pasti (53.4%) mengalami kecelaruhan identiti jantina menyatakan masyarakat selalu berkomunikasi baik dengan mereka. Dari segi penampilan diri pula menunjukkan majoriti (38.8%) responden menyatakan masyarakat hanya kadang-kadang sahaja memuji penampilan diri mereka.

Terdapat sebilangan kecil (10.0%) responden menyatakan masyarakat tidak pernah memuji penampilan diri mereka. Majoriti mereka yang mengakui mengalami kecelaruhan identiti jantina tidak pasti sama ada masyarakat memuji atau tidak penampilan diri mereka (34.6%). Besar juga dari kalangan mereka yang menyatakan masyarakat selalu memuji penampilan diri mereka (30.8%). Majoriti daripada mereka yang tidak mengakui mengalami kecelaruhan identiti jantina pula menyatakan masyarakat selalu memuji penampilan diri mereka (41.0%). Manakala majoriti mereka yang tidak pasti sama ada mengalami kecelaruhan identiti jantina pula menyatakan masyarakat kadang-kadang sahaja memuji penampilan diri mereka (46.6%). Perbuatan memuji penampilan diri mereka yang mempunyai kecelaruhan identiti jantina ini mungkin dibuat secara sindiran oleh masyarakat. Sindiran ini mungkin disalah tanggap oleh mereka yang menyangka masyarakat menyukai cara penampilan diri mereka.

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan majoriti responden (38.1%) menyatakan masyarakat kadang-kadang sahaja melihat mereka berbeza daripada orang lain (Jadual 3). Walau bagaimanapun besar juga bilangan responden yang menyatakan masyarakat selalu melihat mereka berbeza daripada orang lain (33.8%). Separuh daripada responden yang mengakui mengalami masalah kecelaruhan identiti jantina menyatakan masyarakat selalu melihat mereka berbeza daripada orang lain (50.0%). Manakala majoriti daripada mereka yang tidak mengakui (42.6%) dan tidak pasti (43.8%) mengalami kecelaruhan identiti jantina menyatakan masyarakat hanya kadang-kadang sahaja melihat mereka berbeza daripada orang lain. Hanya segelintir sahaja daripada keseluruhan responden yang menyatakan masyarakat tidak pernah melihat mereka berbeza daripada orang lain (6.9%).

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan majoriti responden (38.1%) menyatakan masyarakat kadang-kadang sahaja melihat mereka berbeza daripada orang lain (Jadual 3). Walau bagaimanapun besar juga bilangan responden yang menyatakan masyarakat selalu melihat mereka berbeza daripada orang lain (33.8%). Separuh daripada responden yang mengakui mengalami masalah kecelaruhan jantina menyatakan masyarakat selalu melihat mereka berbeza daripada orang lain (50.0%). Manakala majoriti daripada mereka yang tidak mengakui (42.6%) dan tidak pasti (43.8%) mengalami kecelaruhan jantina menyatakan masyarakat hanya kadang-kadang sahaja melihat mereka berbeza daripada orang lain. Hanya segelintir sahaja daripada keseluruhan responden yang menyatakan masyarakat tidak pernah melihat mereka berbeza daripada orang lain (6.9%).

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan majoriti daripada responden (43.1%) tidak pasti sama ada masyarakat mengejek mereka (Jadual 3). Besar

Jadual 3: Rreaksi Masyarakat Terhadap Responden

Respon	Keceraluan Identiti Jantina															
	Ya							Tidak								
	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	
Melayan saya dengan baik	8	8	7	3	38	12	10	1	28	18	26	1	74	38	43	5
	30.8	30.8	26.9	11.5	38.4	24.7	35.6	1.6	38.4	24.7	35.6	1.4	46.3	23.8	26.9	3.1
Hormat dan harga saya	5	7	12	2	39	10	11	1	24	28	20	1	68	45	43	4
	19.2	26.9	46.2	7.7	63.9	16.4	18.0	1.6	32.9	38.4	27.4	1.4	42.5	28.1	26.9	2.5
Menolong bila saya memertukan	10	7	9	0	34	14	12	1	32	24	16	1	76	45	37	2
	38.5	26.9	34.6	0.0	55.7	23.0	19.7	1.6	43.8	32.9	21.9	1.4	47.5	28.1	23.1	1.3
Senang berkomunikasi dengan saya	8	9	8	1	40	12	8	1	39	20	13	1	87	41	29	3
	30.8	34.6	30.8	3.8	65.6	19.7	13.1	1.6	53.4	27.4	17.8	1.4	54.4	25.6	18.1	1.9
Memuji penampilan diri	8	6	9	3	25	22	10	4	16	34	14	9	49	62	33	16
	30.8	23.1	34.6	11.5	41.0	36.1	16.4	6.6	21.9	46.6	19.2	12.3	30.6	38.8	20.6	10.0
Melihat saya berbeza dengan orang lain	13	3	9	1	17	26	12	6	24	32	13	4	54	61	34	11
	50.0	11.5	34.6	3.8	27.9	42.6	19.7	9.8	32.9	43.8	17.8	5.5	33.8	38.1	21.3	6.9
Mengejek saya	6	3	15	2	4	13	21	23	9	22	33	9	19	38	69	34
	23.1	11.5	57.7	7.7	6.6	21.3	34.4	37.7	12.3	30.1	45.2	12.3	11.9	23.8	43.1	21.3
Mengambil kesempatan terhadap diri saya	5	6	10	5	2	16	15	28	7	26	21	19	14	48	46	52
	19.2	23.1	38.5	19.2	3.3	26.2	24.6	45.9	9.6	35.6	28.8	26.0	8.8	30.0	28.8	32.5
Memperkecilkan kemampuan saya	8	6	7	5	2	17	19	23	11	23	31	8	21	46	57	36
	30.8	23.1	26.9	19.2	3.3	27.9	31.1	37.7	15.1	31.5	42.5	11.0	13.1	28.8	35.6	22.5

juga bilangan responden yang tidak pasti sama ada masyarakat ada mengejek mereka (23.8%). Ketidakpastian ini dinyatakan oleh sebilangan besar daripada mereka yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina (57.7%) dan turut dinyatakan oleh sebilangan daripada mereka yang tidak mengakui (34.4%) dan majoriti mereka yang tidak pasti (45.2%) sama ada mereka mengalami kecelaruan identiti jantina atau tidak. Walau bagaimanapun, besar juga bilangan responden yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina yang menyatakan mereka selalu di ejek oleh masyarakat (23.1%).

Penemuan kajian juga menunjukkan majoriti daripada keseluruhan responden (32.5%) menyatakan masyarakat tidak pernah mengambil kesempatan terhadap diri mereka (Jadual 3). Hanya segelintir sahaja (8.8%) yang menyatakan masyarakat selalu mengambil kesempatan terhadap diri mereka. Majoriti responden yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina tidak pasti sama ada masyarakat mengambil kesempatan terhadap diri mereka (38.5%). Majoriti mereka yang tidak mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina pula menyatakan masyarakat tidak pernah mengambil kesempatan ke atas diri mereka (45.9%). Manakala majoriti responden yang tidak pasti mengalami kecelaruan identiti jantina pula menyatakan hanya kadang-kadang sahaja masyarakat mengambil kesempatan ke atas diri mereka (35.6%).

Penemuan kajian juga menunjukkan secara keseluruhannya majoriti daripada responden (35.6%) tidak pasti sama ada masyarakat memperkecilkan kemampuan diri mereka atau tidak (Jadual 3). Majoriti responden yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina menyatakan masyarakat selalu memperkecilkan kemampuan diri mereka (30.8%). Majoriti daripada responden yang tidak mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina pula menyatakan masyarakat tidak pernah memperkecilkan kemampuan diri mereka (37.7%). Manakala majoriti responden yang tidak pasti mengalami kecelaruan identiti jantina tidak pasti sama ada masyarakat memperkecilkan kemampuan diri mereka atau tidak (42.5%).

Tindak balas Individu Terhadap Reaksi Masyarakat

Individu yang dikenakan tindakan oleh masyarakat boleh bertindak balas dengan cara tindak balas *anti-label* atau tindakbalas *anti-labeller*. Jika individu mengambil tindak balas anti-labeller maka pada peringkat seterusnya adalah tindak balas '*self-labeling*' yang akhirnya akan menyebabkan berlakunya penyisihan sosial jika tidak dikawal (Becker 1963, Gove 1957). Keadaan yang sebaliknya mungkin berlaku jika individu berkenaan mengambil tindak balas *anti-label*. Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar responden (71.3%) menyatakan mereka selalu mesra dengan orang di sekeliling mereka (Jadual 4). Hanya segelintir sahaja daripada mereka yang menyatakan tidak pernah mesra dengan orang di sekeliling mereka (2.5%). Keadaan ini dinyatakan oleh sebilangan besar responden yang tidak mengakui (75.4%) dan tidak pasti (75.3%) mengalami kecelaruan identiti jantina. Manakala hanya separuh sahaja responden yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina yang selalu mesra dengan orang di sekeliling mereka (50.0%). Lebih separuh daripada keseluruhan responden (52.5%) yang selalu menyukai dengan perhatian yang diberikan oleh masyarakat terhadap mereka (Jadual 4). Keadaan ini dirasai oleh separuh (50.0%) mereka yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina, sebilangan besar mereka yang tidak mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina (57.4%) dan majoriti mereka

yang tidak pasti sama ada mengalami kecelaruan identiti jantina atau tidak (49.3%). Hanya segelintir sahaja responden yang tidak pernah menyukai dengan perhatian yang diberikan oleh masyarakat terhadap mereka (7.5%).

Penemuan kajian secara keseluruhan juga menunjukkan sebilangan besar responden (72.5%) selalu menghormati orang ramai. Keadaan ini dinyatakan oleh majoriti mereka yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina (34.6%) dan sebilangan besar mereka yang tidak mengakui (85.2%) dan tidak pasti (75.3%) mengalami kecelaruan identiti jantina. Namun terdapat segelintir mereka (3.1%) yang menyatakan tidak pernah menghormati orang ramai. Sebilangan besar responden (69.4%) juga selalu bersikap terbuka dengan orang ramai (Jadual 4). Keadaan ini disuarakan oleh separuh daripada responden yang mengakui mengalami kecelaruan identiti jantina (50.0%) dan sebilangan besar mereka yang tidak mengakui (72.1%) dan tidak pasti (74.0%) mengalami kecelaruan identiti jantina. Walau bagaimanapun, penemuan kajian turut menunjukkan majoriti responden (41.9%) menyatakan mereka selalu rasa terhina dengan tindakan masyarakat terhadap mereka (Jadual 4) dan selalu merasa sedih dengan penerimaan masyarakat terhadap mereka (30.6%). Majoriti responden juga selalu tidak mengendahkan reaksi orang lain terhadapnya (36.9%). Ini dinyatakan oleh separuh daripada responden yang mengakui mereka mengalami kecelaruan identiti jantina (50.0%). Majoriti responden yang tidak pasti sama ada mereka mengalami kecelaruan identiti jantina atau tidak turut menyatakan demikian (45.2%).

Hasil analisa juga menunjukkan majoriti responden (43.8%) tidak pasti sama ada mereka ada meminta bantuan dan sokongan daripada orang lain dalam menjalani kehidupan mereka (Jadual 4). Keadaan yang sama dinyatakan oleh majoriti responden daripada ketiga-tiga kategori. Majoriti mereka juga kadang-kadang mencuba untuk mengelak daripada dilihat berbeza dengan orang lain oleh masyarakat (36.3%). Namun hampir separuh (48.8%) daripada responden tidak pasti sama ada mereka boleh mendiamkan diri atau tidak apabila diejek oleh orang lain. Walau bagaimanapun, kadang-kadang majoriti responden turut berusaha untuk mengubah penampilan diri mereka (48.1%).

Tindak balas *Self-Labeling* oleh Individu

Tindak balas *self-labeling* merupakan peringkat di mana individu yang melanggar peraturan, undang-undang atau norma masyarakat dan dikenakan tindakan secara berterusan telah mengakui bahawa dirinya sudah tidak diterima oleh masyarakat awam. Individu tersebut telah menerima tanggapan masyarakat terhadap dirinya sebagai seorang yang tidak diingini. Mereka akan menerima stigma dan menganggap dirinya jahat dan menyesuaikan diri dengan imej baru yang diberikan kepadanya. Dalam keadaan penerimaan *self-labeling* ini individu terlibat boleh terus melakukan perbuatan yang dilarang sama ada bersendirian atau bersama individu lain yang turut menerima label yang sama. Secara tidak langsung pembentukan kumpulan yang menerima label yang sama atau kumpulan senasib akan menguatkan sistem sokongan dalam kalangan ahli kumpulan untuk melakukan perbuatan yang dilarang.

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan terdapat segelintir responden (8.1%) yang selalu menyisihkan diri daripada orang ramai (Jadual 5). Terdapat sebilangan responden yang kadang-kadang juga turut menyisihkan diri daripada orang ramai (24.4%). Sebilangan kecil daripada responden menyatakan mereka

Jadual 4: Tindak balas Responden Terhadap Reaksi Masyarakat

Tindakbalas	Kecelaran Identiti Jantina															
	Ya				Tidak				Tidak Pasti				Keseluruhan			
	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah
Mesra dengan semua orang di sekeliling	13	3	9	1	46	4	10	1	55	9	7	2	114	16	26	4
Suka dengan perhatian yang diberikan	50.0	11.5	34.6	1.6	75.4	6.6	16.4	1.6	75.3	12.3	9.6	2.7	71.3	10.0	16.3	2.5
Gembira dengan penerimaan orang ramai	13	7	5	1	35	17	8	1	36	19	8	10	84	43	21	12
Horat pada orang ramai	50.0	26.9	19.2	3.8	57.4	27.9	13.1	1.6	49.3	26.0	11.0	13.7	52.5	26.9	13.1	7.5
Bersikap terbuka dengan orang lain	15	7	3	1	48	5	7	1	38	23	9	3	101	35	19	5
Meraskan diri diambil kesempatan oleh orang lain	57.7	26.9	11.5	3.8	78.7	8.2	11.5	1.6	52.1	31.5	12.3	4.1	63.1	21.9	11.9	3.1
Perlu dilayan dengan adil	9	7	8	2	52	4	4	1	55	14	2	2	116	25	14	5
Mahukan pengiktirafan terhadap diri	34.6	26.9	30.8	7.7	85.2	6.6	6.6	1.6	75.3	19.2	2.7	2.7	72.5	15.6	8.8	3.1
Merasa terhina	13	8	5	0	44	7	7	3	54	9	9	1	111	24	21	4
Sedih dengan penerimaan orang lain	50.0	30.8	19.2	0.0	72.1	11.5	11.5	4.9	74.0	12.3	12.3	1.4	69.4	15.0	13.1	2.5
Tidak mengendahkan reaksi orang lain	2	14	6	4	10	26	14	11	8	35	23	7	20	75	43	22
Meminta bantuan dan sokongan orang lain	7.7	53.8	23.1	15.4	16.4	42.6	23.0	18.0	11.0	47.9	31.5	9.6	12.5	46.9	26.9	13.8
Mengelak daripada dilihat berbeza dengan orang lain	18	4	5	0	49	5	6	1	61	9	3	0	128	18	13	1
Mendiamkan diri apabila ditejek	69.2	15.4	15.4	0.0	80.3	8.2	9.8	1.6	83.6	12.3	4.1	0.0	80.0	11.3	8.1	0.6
Mengubah penampilan diri	13	5	7	1	37	11	11	2	40	20	6	7	90	36	24	10
	50.0	19.2	26.9	3.8	60.7	18.0	18.0	3.3	54.8	27.4	8.2	9.6	56.3	22.5	15.0	6.3
	9	5	10	2	23	14	18	6	35	16	20	2	67	35	48	10
	34.6	19.2	38.5	7.7	37.7	23.0	29.5	9.8	47.9	21.9	27.4	2.7	41.9	21.9	30.0	6.3
	12	6	7	1	12	17	19	13	25	23	21	4	49	46	47	18
	46.2	23.1	26.9	3.8	19.7	27.9	31.1	21.3	34.2	31.5	28.8	5.5	30.6	28.8	29.4	11.3
	13	2	10	1	13	16	20	12	33	15	21	4	59	33	51	17
	50.0	7.7	38.5	3.8	21.3	26.2	32.8	19.7	45.2	20.5	28.8	5.5	36.9	10.6	31.9	10.6
	6	6	13	1	14	17	24	6	12	24	33	4	32	47	70	11
	23.1	23.1	50.0	3.8	23.0	27.9	39.3	9.8	16.4	32.9	45.2	5.5	20.0	29.4	43.8	6.9
	8	9	7	2	8	25	12	16	22	24	16	11	38	58	35	29
	30.8	34.6	26.9	7.7	13.1	41.0	19.7	26.2	30.1	32.9	21.9	15.1	23.8	36.3	21.9	18.1
	1	3	18	4	5	18	29	9	24	13	31	5	30	34	78	18
	3.8	11.5	69.2	15.4	8.2	29.5	47.5	14.8	32.9	17.8	42.5	6.8	18.8	21.3	48.8	11.3
	6	12	7	1	20	28	8	5	12	37	17	7	38	77	32	13
	23.1	46.2	26.9	3.8	32.8	45.9	13.1	8.2	16.4	50.7	23.3	9.6	23.8	48.1	20.0	8.1

Jadual 5: Tindak balas *Self-Labeling*

Tindakbalas	Keceraluan Identiti Jantina															
	Ya							Tidak								
	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Pasti	Tidak Pernah
Menyisihkan diri daripada orang ramai	0	6	14	6	3	16	20	22	10	17	31	15	13	39	65	43
	0.0	23.1	53.8	23.1	4.9	26.2	32.8	36.1	13.7	23.3	42.5	20.5	8.1	24.4	40.6	26.9
Bergaul dengan kawan sesama jenis	4	4	10	8	11	11	19	20	12	16	36	9	27	31	65	37
	15.4	15.4	38.5	30.8	18.0	18.0	31.1	32.8	16.4	21.9	49.3	12.3	16.9	19.4	40.9	23.1
Melakukan apa sahaja untuk kepentingan diri	10	5	11	0	10	23	21	7	22	17	27	7	42	45	59	14
	38.5	19.2	42.3	0.0	16.4	37.7	34.4	11.5	30.1	23.3	37.0	9.6	26.3	28.1	36.9	8.8

selalunya bergaul dengan kawan-kawan yang senasib dengan mereka sahaja (16.9 %). Walau bagaimanapun ramai juga dalam kalangan mereka yang mengakui mengalami kecelaruhan identiti jantina tidak pernah cuba menyisihkan diri daripada orang ramai (23.1 %). Selain daripada tindakan menyisihkan diri terdapat juga sebilangan responden (26.3 %) yang selalu melakukan apa sahaja untuk kepentingan diri mereka tanpa memikirkan perasaan atau pendapat orang lain (Jadual 5).

Kesimpulan

Kerangka kajian ini diadaptasi daripada teori *Labeling* bagi menggambarkan reaksi masyarakat dan tindak balas individu yang mengalami masalah kecelaruhan identiti jantina. Menurut teori *Labeling* tingkah laku antisosial bukan bergantung sepenuhnya kepada ciri tingkah laku tersebut tetapi berkait dengan penilaian masyarakat terhadap tingkah laku tersebut. Reaksi masyarakat merupakan tindak balas normal sebagai menyatakan ketidakpuasan mereka terhadap tingkah laku dan penampilan individu yang mengalami kecelaruhan identiti jantina. Umumnya reaksi masyarakat dinyatakan dalam bentuk pertentangan atau sebagai tindakan menghukum terhadap individu yang bertingkah laku tidak sesuai dan tidak bertanggung jawab. Reaksi masyarakat terhadap individu yang mengalami kecelaruhan identiti jantina dinyatakan melalui mengenakan label, stigma dan diskriminasi terhadap mereka. Label, stigma dan diskriminasi yang dikenakan oleh masyarakat kepada individu yang mengalami kecelaruhan identiti jantina menyebabkan individu berkenaan dinafikan hak dalam masyarakat. Individu berkenaan juga akan mendapat layanan yang berbeza atau tidak adil. Penemuan kajian menunjukkan terdapat individu yang mengalami kecelaruhan identiti jantina yang diberi layanan yang kurang baik, tidak dihormati dan dihargai, diejek, diambil kesempatan dan diperkecilkan kemampuan diri mereka.

Secara teoritikalnya stigma dan diskriminasi akan memberi kesan psikologi terhadap individu yang mengalaminya. Kesan ini dapat dilihat melalui daya ketahanan diri dan keyakinan diri yang rendah, hilang daya kawalan diri serta selalu gelisah dan murung. Individu akan bertindak balas dengan kesan tersebut dalam bentuk tindak balas anti-label dan tindak balas anti-labeler. Tindak balas anti-label merupakan tindakan positif yang dilakukan oleh individu yang dikenakan label, stigma dan diskriminasi yang dikenakan oleh masyarakat. Manakala tindak balas anti-labeler pula merupakan tindak balas negatif oleh individu berkenaan. Penemuan kajian menunjukkan antara tindak balas berbentuk anti-label yang diambil oleh individu yang mengalami kecelaruhan identiti jantina ialah seperti mesra dengan semua orang, menghormati orang ramai, bersikap terbuka meminta bantuan dan sokongan daripada orang lain atau mengubah penampilan diri. Manakala tindak balas anti-labeler yang diambil oleh individu tersebut ialah seperti suka dengan perhatian yang diberikan, merasa terhina, sedih dengan penerimaan orang lain tidak mengendahkan reaksi orang lain dan mendiamkan diri.

Tindak balas *self-labeling* akan berlaku apabila individu yang mengalami kecelaruhan identiti jantina cenderung memilih untuk bertindak balas *anti-labeler* secara berterusan. Tindakan ini akan mencetuskan masalah sosial yang lebih serius jika tidak ditangani lebih awal. Penemuan kajian menunjukkan terdapat individu yang mengalami kecelaruhan identiti jantina yang mengambil tindak balas berbentuk *self-labeling*. Antara tindakan *self-labeling* yang diambil oleh individu berkenaan ialah menyisihkan diri

daripada masyarakat, melakukan sesuatu demi kepentingan diri dan bergaul dengan kawan yang mengalami masalah yang sama sahaja. Tindak balas *self-labeling* ini akan menyebabkan berlaku penyisihan sosial dalam kalangan individu yang mengalami kecelaruan identiti jantina ini. Penyisihan sosial akan menyebabkan individu dan kumpulan kecelaruan identiti jantina akan dikeluarkan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian dari sistem sosial, ekonomi, politik dan budaya masyarakat. Keadaan ini cenderung menimbulkan masalah sosial yang lebih serius dalam masyarakat jika dibiarkan berterusan.

Nota

- ¹ Haris Abd. Wahab, Siti Hajar Abu Bakar dan Zaitun Azman merupakan pensyarah kanan , profesor madya dan pengajar SLAB/SLAI di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- ² Ezarina Zakaria merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Abd. Hadi Zakaria, 2004. Ketiadaan Reaksi Masyarakat Terhadap Kelakuan Anti-Sosial. *The Malaysian Journal of Social Administration* 3.
- Becker, H. S., 1963. *Outsiders: Studies in the Sociology of Deviance*. New York: The Free Press.
- Di Ceglie, D., 1995. Gender Identity Disorders in Children and Adolescents. *British Journal of Hospital Medicine* 33.
- Giddens, A., 2006. *Sociology*. Cambridge: Polity Press.
- Goffman, E., 1963. *Stigma: Notes on the Management of Spoiled Identity*. England: Penguin Books.
- Gove, W. R., 1995. *The Labeling of Deviance: Evaluating a Perspective*. New York: Sage Publications.
- Haralambos, 2000. *Sociology: Themes and Perspectives* (5th ed). London: Harpercollins Publishers Limited.
- Lemert, E. M., 1951. *Social Pathology*. New York: McGraw-Hill.
- _____, 1972. *Human Deviance, Social Problems and Social Control* (2nd ed). Englewood Cliffs: Prentice-Hall, Inc.
- Macionis, J. J., 2010. *Sociology* (10th ed). New Jersey: Prentice-Hall International, Inc.
- Mat Saad Baki, 1987. Mak Nyah dari Sudut Psikologi. Kertas Kerja dalam Seminar Mak Nyah, 24-25 Oktober 1987, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Money, J., 1994. The Concept of Gender Identity Disorder in Childhood and Adolescence after 39 years. *Journal of Sex and Marital Therapy* 20.
- Royal College of Psychiatrists, London, 1998. *Gender Identity Disorders in Children and Adolescents: Guidance for Management*. London: Royal College of Psychiatrists.
- Wan Halim Othman, 1987. Dilema Mak Nyah dalam Masyarakat Malaysia, kertas kerja dalam Seminar Mak Nyah, 24-25 Oktober 1987, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zucker, K. & Bradley, S., 1995. *Gender Identity Disorder and Psychosexual Problems in Children and Adolescents*. New York and London: Guilford.